STANDARD CHARTERED BANK

lwn.

GOH LAU SHENG & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
FAIZA THAMBY CHIK H
[GS NO. 22-142-1990]
29 APRIL 1992

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman terus - Prinsip-prinsip - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Aturan 14.*

Defendan pertama dan defendan kedua membuat rayuan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan.

Peguambela bagi kedua-dua pihak perayu telah menimbulkan isu-isu berikut bahawa pihak responden berkewajipan untuk mempastikan hutang tersebut dikurangkan, perlantikan penerima tidak sah dan kerananya penerima tiada kuasa melupuskan harta tak alih syarikat sama ada penerima bertindak secara *bona fide* dipersoalkan dan sama ada penerima boleh melupuskan harta tak alih yang digadaikan.

Diputuskan:

[1] Isu-isu tersebut tidak ditimbulkan oleh kedua-dua orang perayu di dalam affidavit mereka dan oleh hal yang demikian adalah tidak wajar bagi peguambela yang bijaksana itu menghujahkan isu-isu tersebut.

[2] Berdasarkan dokumen-dokumen, adalah jelas bahawa kedua-dua perayu berhutang dengan responden sebanyak RM1,005,888.35 pada 6 Disember 1990 berserta bunga pada kadar 4% atas kadar Pinjaman Utama, Pinjaman Overdraft dan pada kadar 3% atas kadar Pinjaman Utama bagi Pinjaman Tetap dan selaras dengan perenggan 19 Surat Jaminan yang ditandatangani oleh kedua-dua orang perayu adalah jelas bahawa Perakuan Keterhutangan adalah keterangan muktamad bagi jumlah hutang kedua-dua orang perayu kepada responden.

[3] Berdasarkan perenggan satu Surat Jaminan adalah jelas bahawa kedua-dua orang perayu bertanggungjawab bagi hutang yang dikemukakan sebelum Surat Jaminan.

[4] Dalam kes ini adalah diperhatikan bahawa isu-isunya adalah jelas dan perkara substannya boleh diputuskan betul-betul tanpa perbicaraan dan oleh itu tiada sebab mengapa ianya tidak boleh dikendalikan di bawah prosedur Aturan 14.

[Rayuan ditolak dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Citibank N.A. lwn. Ooi Boon Leong & Yg. Ln [1981] 1 MLJ 282 ***(diikuti)***
Carlsberg Brewery Malaysia Sdn. Bhd. lwn. Soon Heng Aw & Sons Sdn. Bhd. & Yg. Ln. [1988] 1 CLJ (Rep) 420 ***(dipertimbangkan)***
Chung Kiaw Bank Ltd. lwn. Soi Huan & Yg. Ln. [1986] 1 MLJ 188 ***(diikuti)***
Ooi Boon Leong & Yg. Ln. lwn. Citibank N.A. [1984] 1 MLJ 222 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Contracts Act 1950, s. 83
Rules of the High Court 1980, O. 14

Bagi pihak plaintif - Philip Chan Hon Keong; T/n. Chan & Chia
Bagi pihak defendan - Francis Ho; T/n. Sabarudin Othman & Ho

PENGHAKIMAN

Faiza Thamby Chik H:

Ini adalah rayuan defendan pertama dan defendan kedua terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar (PKP) yang membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan (kandungan 17). Dalam hujah bertulisnya kedua-dua orang perayu telah mengutarakan lapan isu bagi menyokong permohonan rayuan mereka bagi pertimbangan Mahkamah yang mulia ini. Dapat diperhatikan dengan nyata dalam dokumen-dokumen yang dikemukakan di sini bahawa kedua-dua orang perayu adalah berhutang kepada responden wang sejumlah RM1,005,888.35 sen pada 6 Disember 1990 berserta dengan bunga dan mereka adalah bertanggungjawab sebagai penggerenti ke atas Surat Jaminan bertarikh 26 September 1980 (lihat Ekshibit MCG 1 kandungan 5) afidavit Mohd. Chudi Ghazali dan selaras dengan perenggan 19 Surat Jaminan itu dan Perakuan Keterhutangan telah dikeluarkan dan pada 16 Mei 1991 PKP telah membenarkan permohonan responden untuk mendapatkan penghakiman terus terhadap kedua-dua orang perayu.

Peguambela yang bijaksana bagi pihak kedua-dua orang perayu telah menimbulkan isu-isu berikut bahawa pihak responden berkewajipan untuk mempastikan hutang tersebut dikurangkan, perlantikan penerima tidak sah dan kerananya penerima tiada kuasa melupuskan harta tak alih syarikat, sama ada penerima bertindak secara *bona fide* dipersoalkan dan sama ada penerima boleh melupuskan harta tak alih yang digadaikan dan peguambela yang bijaksana itu telah menghujahkan isu-isu tersebut. Adalah nyata bahawa isu-isu tersebut tidak ada ditimbulkan oleh kedua-dua orang perayu di dalam afidavit mereka dan oleh hal yang demikian adalah tidak wajar bagi peguambela yang bijaksana itu menghujahkannya disini. Oleh hal yang demikian saya tidak mengambil kira akan isu-isu tersebut dan tidak mengendahkannya langsung.

Daripada dokumen-dokumen yang dikemukakan dalam kes ini adalah terang bahawa kedua-dua orang perayu berhutang dengan responden sebanyak RM1,005,888.35 sen pada 6 Disember 1990 berserta bunga pada kadar 4% atas kadar Pinjaman Utama bagi pinjaman Overdraft dan pada kadar 3% atas kadar Pinjaman Utama bagi Pinjaman Tetap dan selaras dengan perenggan 19 Surat Jaminan yang ditandatangani oleh kedua-dua orang perayu adalah jelas bahawa Perakuan Keterhutangan adalah keterangan muktamad bagi jumlah hutang kedua-dua orang perayu kepada responden.

DYMM Sultan Azlan Shah (pada masa itu Hakim Besar Malaya) dalam kes *Citibank N.A. lwn. Ooi Boon Leong & Yg. Ln.* [1981] 1 MLJ 282 FC di muka surat 284 telah berkata

> That brings us to the important question whether the Assistant Registrar was entitled to deal with the case under RSC O. 14 Procedure. We have often said in this Court many a time that where all the issues are clear and the matter of substance can be decided once and for all without going to trial there is no reason why the Assistant Registrar or the Judge in Chambers, or, for that matter this Court, shall not deal with the whole matter under RSC O. 14 Procedure. In the present case the guarantee containing a clause which enables the bank by producing a certificate of indebtedness by the officer to dispense with legal proof of the actual indebtedness of the Respondent. Clause 19 provides this:
>
> > A certificate by an officer of the bank as to the money and liabilities for the time being due or incurred to the bank from or by the customer shall be conclusive evidence in any legal proceedings against us or any one of us or our personal representative.

> It means that, for the purpose of fixing liability of the Respondent, the company's indebtedness may be ascertained conclusively by a certificate: see *Dobbs v. National Bank of Australasia Ltd., Sache Co. v. Banque Vernes*."

Dalam kes kita dua orang pegawai bank responden bernama Andrew Chow dan Mohd Chudi Ghazali telah memperakukan Perakuan Keterhutangan satu bertarikh 25 Julai 1990 sebanyak RM1,015,861.42 sen dan satu lagi bertarikh 6 Disember 1990 sebanyak RM1,005,888.35 sen.

Mengenai isu sama ada kedua-dua orang perayu bertanggungjawab bagi hutang yang dikemukakan sebelum Surat Jaminan, adalah jelas bahawa perenggan satu Surat Jaminan tersebut menyatakan, "all money and liabilities whether certain or contingent now or hereafter owing or incurred to the bank from or by the customer."
Dalam kes *Carlsberg Brewery Malaysia Sdn. Bhd. lwn. Soon Heng Aw & Sons Sdn. Bhd. & Yg. Ln.* [1988] 1 CLJ (Rep) 420 Mahkamah telah memutuskan bahawa,

> On going through the guarantee in this case the Court was of the view that it was within the contemplation of the parties that the guarantors were to be saddled with the liability not only after but also before the signing of the guarantee.

Mengenai isu sama ada perayu/defendan kedua boleh menamatkan jaminan yang diberikannya dan hujah bahawa s. 83 Akta Kontrak menyebut bahawa jaminan berterusan boleh dibatalkan oleh sipenggerenti mengenai urusan masa hadapan sekiranya notis diberikan kepada sipiutang, Hakim Shankar dalam kes *Chung Kiaw Bank Ltd. lwn. Soi Huan & Yg. Ln.* [1986] 1 MLJ 188 berkata:

> In other words, it was submitted that the moment the defendents resigned their directorship on 28 June 1982, they automatically ceased to be liable on the guarantees they had executed. The argument is so bizarre, that it is not worth a moment consideration. Dan kes *Egbert & Yg. Ln. lwn. National Crown Bank* [1918] AC 903 memutuskan "that the guarantee remained in force against all the guarantors until each and all of them, or their respective executors, or administrators, give notice to determine it.

Walaubagaimanapun, saya bersetuju dengan Hakim Shankar dalam kes *Chung Khiaw Bank* tersebut bahawa "the directors had signed the guarantee in their personal capacity and they were liable on it even if they had ceased to be directors." Perkara yang sama berlaku dalam kes ini mengenai kedua-dua orang perayu.

Tambahan pula perenggan 4 Surat Jaminan bertarikh 26 September 1980 dengan jelasnya menyatakan bahawa Surat Jaminan itu berkuatkuasa dan mengikat sebagai gerenti beterusan ke atas setiap penggerenti sehingga bank menerima daripada setiap penggerenti secara bertulis notis 14 hari untuk menamatkan surat penggerenti tersebut. Dan sehingga kini notis yang seumpama itu belum lagi diberikan kepada responden oleh perayu-perayu tersebut. Lord Brightman dalam kes *Ooi Boon Leong & Ors. lwn. Citibank N.A.* [1984] 1 MLJ 222 PC 226, telah berkata:

> If freedom to contract is to be curtailed in relation to a particular subject matter, their Lordships would expect the prohibition to be expressed in the statute and not left by the legislature to be picked up, by the reader as an implication based upon sections dealing with different subject matters.
>
> Furthermore, it may be noticed that when the Contracts Act intends to render an agreement void, it says so in express terms : see ss. 25 to 35 under the cross heading "void agreements" read with the definitions in s. 2(e) and (g).

Dalam kes ini adalah diperhatikan bahawa isu-isunya adalah jelas dan perkara substannya boleh diputuskan betul-betul tanpa perbicaraan dan oleh itu tiada sebab mengapa ianya tidak boleh dikendalikan di bawah prosidur Aturan 14. Seperti kata Hashim Yeop Abdullah Sani, Hakim Besar Malaya

There has been a long line of authorities for the proposition that where all issues are clear and the matter of substance can be decided once and for all without going to trial, there is no reason why the Court hearing the application for summary judgment should not deal with the whole matter under the procedure in an O. 14 application (lihat kes *Kok Siah Poo lwn. Perkayuan OKS. Sdn. Bhd. & Yg. Ln.*. [1984] 3 MLJ 164 MA).

Rayuan defendan pertama dan defendan kedua ditolak dengan kos.

Also found at [1992] 3 CLJ 1564